

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : PUAN HAJAH NORMALA BINTI ABDUL SAMAD  
[PASIR GUDANG]**

**TARIKH : 9 JUN 2014 (ISNIN)**

**SOALAN :**

**Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [ Pasir Gudang ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah justifikasi yang digunakan dalam menentukan pemberian bantuan kepada golongan Orang Kurang Upaya (OKU) kerana mereka yang bekerja diberikan bantuan sebanyak RM300 sebulan sedangkan yang tidak boleh bekerja diberikan bantuan bulanan hanya RM150.

**JAWAPAN:**

Kesejahteraan dan kepentingan golongan orang kurang upaya (OKU) sentiasa mendapat perhatian Kerajaan dalam usaha mengintegrasikan golongan OKU dalam masyarakat. Dalam hal ini, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menyediakan pelbagai skim bantuan kebajikan kepada kumpulan sasaran yang memerlukan termasuk orang kurang upaya (OKU) supaya mereka dapat meneruskan kelangsungan hidup dengan lebih sempurna.

Skim Elaun Pekerja Cacat (EPC) dengan kadar RM300 sebulan diberikan kepada OKU bekerja yang berpendapatan di bawah RM1,200 sebagai insentif dan galakan kepada mereka untuk terus bekerja dan seterusnya meningkatkan pendapatan mereka hingga mampu berdikari. Manakala Skim Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja (BTB) dengan kadar bantuan sebanyak RM150 sebulan diberikan kerana skim ini merupakan bantuan yang diberikan kepada golongan OKU yang tidak mampu bekerja yang

berumur di antara 16 hingga 59 tahun dan tinggal bersama keluarga yang mempunyai pendapatan.

Sekiranya dilihat sepintas lalu, sememangnya kadar EPC adalah lebih tinggi berbanding dengan kadar bantuan kepada OKU yang tidak bekerja. Ini ialah kerana OKU yang keluar bekerja menghadapi masalah aksesibiliti khususnya pengangkutan untuk pergi ke tempat kerja. Dalam hal ini, mereka terpaksa menyewa khas kenderaan ataupun menggunakan teksi. Oleh yang demikian, kadar RM300 sebulan sedikit sebanyak dapat mengurangkan beban kewangan OKU yang keluar bekerja.